



Jangan cabar wibawa kerajaan

Mukadimah

ISU penguasaan ekonomi sebanyak 45 peratus oleh orang Melayu seperti yang didakwa oleh Institut Kajian Strategik Kepimpinan (ASLI) baru-baru ini mengundang pelbagai persoalan. Realitinya, penguasaan orang Melayu dalam ekonomi cuma 18 peratus. Dan jumlah ini semakin menurun sejak kebelakangan ini.

Yang menjadi persoalan bukan sahaja tentang metodologi atau kaedah yang digunakan badan bukan kerajaan (NGO) itu dalam mengukur pencapaian sebenar ekonomi orang Melayu yang tidak berganjak sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) tamat pada 1990, tetapi disusuli dengan pertanyaan lebih besar - mengapa sekarang?

Bagi Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin, beliau melihat kajian tersebut bukan sahaja cuba meniadakan hak orang Melayu sebagai golongan rakyat yang perlu dibantu, tetapi yang lebih mendukacitkannya ialah apabila ada pihak dengan sengaja cuba mempertikaikan kewibawaan kerajaan.

Ditanya tentang reaksinya apabila membaca kajian tersebut, katanya, "Sebagai orang Melayu saya marah dan saya fikir ia ada satu niat jahat. Maknanya ada agenda tertentu supaya kajian ini mencetuskan politik."

Dalam pertemuan hampir sejam di rumahnya di Bukit Damansara semalam, beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani memberitahu wartawan **SITI MARIAM MD. ZAIN** dan **SAIFULIZAM MOHAMAD**, jika kekeliruan itu tidak ditangani sebaiknya, ia akan menjurus kepada keadaan yang lebih membimbangkan.'

Ini kerana kekeliruan hasil daripada kajian tersebut akan menimbulkan salah tanggapan seterusnya rasa tidak puas hati bukan sahaja di kalangan orang bukan Melayu malah kepada orang Melayu sendiri.

"Keadaan itu boleh mencetuskan ketidakstabilan ekonomi dan politik. Kesannya bukan kepada orang Melayu sahaja atau kepada orang bukan Melayu, tetapi kepada semua. Hakikatnya dasar membangunkan orang Melayu adalah dasar nasional yang orang bukan Melayu turut ada kepentingannya," ujar Muhyiddin lagi.

Menyentuh soal pentadbiran negara, katanya, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sentiasa bersikap terbuka, sesiapa sahaja boleh mengkritik dan memberikan pandangan tetapi mestilah berasas. Dalam masa sama beliau sempat mengingatkan, "Jangan salah anggap sikap keterbukaan ini untuk menghujah sesuatu atas dasar tidak konkrit kerana ia satu kesilapan besar," tegasnya.

MINGGUAN: Apa yang dapat Tan Sri tafsirkan tentang dakwaan ini?

MUHYIDDIN: Ini sesuatu yang agak serius sebab apa yang dilaporkan itu adalah salah satu daripada perkara pokok dalam dasar negara - dasar nasional kita. Apabila mereka menyebut sekarang ini orang Melayu mencapai sehingga 45 peratus, itu satu kenyataan yang salah. Ini kerana metodologi atau cara yang digunakan untuk membuat perkiraan tentang nilai penguasaan ekonomi orang Melayu sebagaimana disebutkan juga oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memang tidak betul.

Secara jujur apabila Tan Sri membaca kajian yang dibuat oleh ASLI buat pertama kalinya apakah reaksi Tan Sri?

MUHYIDDIN: Sebagai orang Melayu saya marah dan saya fikir ia ada satu niat jahat. Maksudnya ada agenda tertentu supaya kajian ini mencetuskan satu polemik. Bagi sesetengah pihak (badan bukan Melayu) sudah tentu menganggap kajian ini betul dan sekali gus menyatakan apa yang kerajaan buat sebelum ini mengaburkan. Kajian ASLI ini yang betul. Mungkin juga ia sengaja ditimbulkan supaya ia menjadi panas sehingga menjelang pilihan raya dan akhirnya kerajaan tidak boleh menangani masalah ini. Justeru, kerajaan perlu mengambil tindakan terhadap kajian ini kerana kesannya boleh mencetuskan polemik.

Dalam hal ini apa yang membimbangkan UMNO?

MUHYIDDIN: Apabila ia dibuat dalam bentuk kajian dan diedarkan termasuklah kepada pihak-pihak lain, maka sudah tentu ada pihak yang mempercayainya. Oleh sebab itu, mereka akan mempertikaikan fakta yang dikeluarkan oleh kerajaan bahawa orang Melayu hari ini hanya menguasai kira-kira 18 peratus ekonomi negara. Yang ini saya fikir sudah pun kita terima sejak DEB tamat pada 1990. Bila tamat dasar itu, kita buat pengiraan berapakah pencapaian kita dan ia mencecah 19 atau 20 peratus sahaja. Dalam tempoh kebelakangan ini berlaku penguncupan, apabila banyak syarikat bumiputera gulung tikar dan saham-saham mereka dijual. Jadi bagaimana ASLI mengatakan makin berkembang? Atas dasar apa fakta itu dikeluarkan? Dan satu lagi saya bimbang kerana ia akan menimbulkan pelbagai reaksi yang tentunya boleh membahayakan. Maksud saya ialah kalau kajian ASLI mengatakan 45 peratus, bermakna kerajaan pada hari ini tidak wajar lagi berbuat apa-apa untuk membantu orang Melayu. Umpamanya menolong dalam sektor korporat, perbankan, perdagangan, industri asas tani, dan sebagainya. Kerana ini tentu akan dilihat oleh bukan bumiputera sebagai layanan yang paling istimewa. Dah kaya orang Melayu, nak dikayakan lagi! Tentu juga akan timbul satu perasaan di kalangan bukan Melayu bahawa kerajaan tidak mengendahankan kepentingan orang bukan Melayu. Itu satu, tetapi orang Melayu pula akan berkata, kalaulah fakta itu betul, maka akan bangkit satu kemarahan kerana kita tahu ini tidak betul. Rata-rata kalau kita lihat masyarakat Melayu, masih ramai yang miskin, kelompok bumiputera di Sabah dan Sarawak yang termasuk dalam kajian kita juga adalah golongan yang agak paling mundur. Dan kalau kita lihat pendapatan per kapita dan dari segi peluang pekerjaan, masih terdapat kekurangan yang agak ketara. Ini semua membawa implikasi bagi saya cukup besar. Saya berpendapat ini tidak boleh kita biarkan.

Antara metodologi yang digunakan ialah mengambil kira syarikat-syarikat GLC sebagai syarikat Melayu, Seolah-olah ia cuba mengelirukan pemahaman masyarakat. Komen Tan Sri?

MUHYIDDIN: Saya hairan kenapa mereka mengambil kira ini sedangkan GLC ialah syarikat milik kerajaan dan siapa yang memilih kerajaan - rakyat. Rakyat ada Melayu dan bukan Melayu. Kalau dikatakan syarikat GLC itu milik Melayu apakah bermakna kalau GLC itu diserahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB), sebagai contoh badan yang memegang kepentingan bumiputera ditaja oleh kerajaan, PNB tak payah bayar? Saya tak fikir begitu. Maksudnya kalau PNB nak ambil alih Telekom atau banyak lagi syarikat milik kerajaan, tentu dia akan mengambil mengikut harga pasaran. Maksudnya kena bayar, itu pemahaman mudah apa maksud GLC yang dikatakan sebagai bukan milik orang Melayu.

Tentang persepsi kerajaan itu Melayu dan Melayu itu kerajaan, patutkah ini berlaku?

MUHYIDDIN: Itu semua kenyataan politik oleh pihak pimpinan politik tertentu kerana dilihat siapa yang menguasai kerajaan, pemegang-pemegang ja-

watan penting dalam kerajaan. Tetapi yang kita teliti bukan soal itu. Siapa pegang jawatan tidak penting. Yang berbangkit sekarang ialah soal penguasaan ekonomi - pembahagian kek ekonomi. Kalau kita katakan hari ini yang menjadi pemimpin adalah orang Melayu dan sebagainya, itu dari segi kuasa politik, ia tidak diimbangi dengan keupayaan oleh penguasaan ekonomi. Yang dipertikai atau dibangkitkan oleh ASLI ialah penguasaan ekonomi, walaupun kita tidak menafikan kerajaan hari ini sebahagian besarnya dipimpin oleh orang Melayu, menerusi UMNO. Tetapi tidak bermakna sebab kerajaan ini Melayu, semua yang ada dalam Malaysia ini juga Melayu.

Tetapi dengan sebab adanya kepimpinan Melayu, kita harap kita boleh menggunakan kuasa politik untuk mempengaruhi keadaan, ekonomi, keputusan atau kecenderungan kerajaan untuk memperbetulkan ketidakseimbangan. Itu sebabnya kita harap dengan kebijaksanaan kerajaan, Dasar Pembangunan Nasional (DPN), DEB dulu, kita perbetulkan ketidakseimbangan. Lagipun kalau dilihat dari segi objektif dasar ialah pengagihan kekayaan secara yang lebih adil. Dan juga soal keseimbangan - serampang dua mata - memperbetulkan ketidakseimbangan antara kaum, bukan sahaja Melayu tetapi bukan Melayu. Itu dasar yang ditekankan kerajaan. Saya fikir benar, kalau dikatakan dari segi keupayaan politik, kita ada kuasa tetapi ia tidaklah secara selari dengan kedudukan ekonomi sebenarnya.

Apa tindakan yang patut diambil terhadap ASLI?

MUHYIDDIN: Kalau boleh saya nak sarankan, supaya mereka tarik balik kajian itu kerana ia 'sampah' - tidak boleh pakai. Jika tidak, seolah-olah mereka mengangap memang inilah pendirian ASLI sendiri. Bermakna mereka mencabar kewibawaan kerajaan. Saya tidak kata nak minta maaf tetapi bijak bagi mereka jika mengakui ini satu kesilapan supaya polemik ini tidak berpanjangan. Rakyat harus yakin pada kerajaan atas apa yang dilakukan selama ini.

Saya fikir kerajaan perlu mengambil tindakan yang agak serius. Mungkin EPU atau pusat kajian dasar di bawah kerajaan patut minta ASLI memberikan penjelasan mengapa mereka perlu mempertahankan angka itu. Bagi saya, apa juga penjelasan, tentu bercanggah dengan metodologi yang kerajaan gunakan. Maka mereka perlu menarik balik dan mengatakan ini satu kesalahan, mengakui kesilapan dan tidak lagi digunakan, sebagai kajian

Kita kena buat tindakan segera dan jangan biarkan ia melarat. Jangan biarkan ia menjadi satu bola salji yang besar dan akhirnya kita tidak dapat mengawalinya

- Muhyiddin Yassin

rasmi yang dikeluarkan ASLI. Jika tidak, ia bakal menjadi satu debat yang akan menimbulkan pelbagai senario tidak sihat.

Di samping itu, mungkin mereka hendak menunjukkan bahawa dasar yang kita laksanakan dalam mengagihkan kekayaan ini menimbulkan ketidakseimbangan. ASLI mengatakan Melayu sebahagian besarnya telah menjadi kaya, yang kaya lebih kaya, yang miskin bertambah miskin. Dari satu sudut, kita di perihktat kepimpinan pun mengakui, masih terdapat kelemahan, DEB belum berjaya. Secara positifnya kerajaan telah pun campur tangan untuk memperbetulkan ketidakseimbangan dari segi kualiti, tindakan pengagihan kekayaan ekonomi itu dalam proses. Tetapi proses untuk memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi ini bukan boleh dibuat serta-merta. Ini apa yang dipanggil kejuruteraan sosial.' Untuk memperbetulkan ketidakseimbangan sosioekonomi bukan mudah. Dalam keadaan kita hendak membahagi kek kekayaan itu, mesti juga ada 'pertumbuhan'. Dari segi pengagihan, kita tak boleh lakukan jika tiada pertambahan. Kalau ikut DEB, 6.7 peratus setiap tahun. Sekarang kurang 6 peratus. Ini akan menjadi kesulitan bagaimana kita nak mengagihkan kekayaan. Faktor-faktor ini yang perlu ditangani kerajaan.

Dengan penguasaan 18 peratus dalam bidang ekonomi negara, mahu tidak mahu kerajaan perlu terus membantu orang Melayu?

MUHYIDDIN: Ya, sebab di dalam debat UMNO tahun lalu dan saya kira tahun ini perkara ini juga akan turut dibahaskan bahawa kerajaan perlu ada satu polisi yang lebih berani iaitu lebih banyak usaha yang perlu buat bagi menangani masalah ini. Perkara ini adalah serius dan saya katakan ia amat serius. Justeru, apakah yang perlu kita buat? Saya hendak cadangkan supaya ada satu badan pemantau yang tertinggi mungkin ia dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri dan keanggotaannya memabitkan pelbagai pihak termasuk tokoh korporat bagi memantau trend arah aliran penguasaan Melayu dan bukan Melayu di negara kita

pada setiap sektor dan sektor-sektor kecil. Kita perlu melihatnya dalam konteks makro dan mikro. Antaranya dalam soal pendapatan, pekerjaan, pengagihan dan sektor perbankan, pendedaran peruncitan dan kewangan. Selain kerajaan, NGO Melayu juga perlu lebih bergiat aktif untuk memperbaiki ekonomi orang Melayu. Kita perlu membuat perancangan bukan untuk setahun tetapi sehingga 2020. Ini penting kerana apabila sampai tahun 2020, Malaysia akan menjadi negara maju. Soalnya siapa yang maju, negara maju jawapannya 'ya' bila ditanya adakah Melayu maju, soalan itu tidak boleh dijawab dan jika berlaku, ia merupakan satu perkara yang berbahaya.

Selain badan pemantau apakah mekanisme yang boleh digunakan dalam memastikan Melayu seiring dengan kemajuan negara pada 2020?

MUHYIDDIN: Telah ada keputusan di peringkat kepimpinan parti iaitu kerajaan perlu menubuhkan satu badan seperti PNB iaitu sebuah institusi yang mempunyai sumber kewangan untuk melonjakkan penguasaan orang Melayu bagi menguasai bidang-bidang yang jauh ketinggalan. Sebagai satu agenda nasional kerajaan tidak perlu takut mengarahkan setiap jabatan dan agensi sebagaimana ia pernah berlaku di dalam DEB.

Jika Melayu tidak lagi dibantu, apa yang akan berlaku pada masa akan datang?

MUHYIDDIN: Melayu akan jadi 'sampah' dalam masyarakat. Melayu akan lebih terpinggir. Pertumbuhan ekonomi orang Melayu akan lebih terbantut. Apabila timbul situasi seperti ini lama-kelamaan parti yang memperjuangkan hak Melayu akan tergugat dan akan berlaku perbalahan di dalam parti. Saya bukan pesimistik. Pada masa itu pihak-pihak tertentu akan lebih bersuara. Sekarang ini pun mereka telah bersuara tetapi tidak cukup lantang. Kita kena buat tindakan segera dan jangan biarkan ia melarat. Jangan biarkan ia menjadi satu bola salji yang besar dan akhirnya kita tidak dapat mengawainya.